

18 FEB 1997

Anwar-Telekom

SIASATAN KONTRAK TELEKOM AKAN SIAP TIDAK LAMA LAGI, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Siasatan berhubung dakwaan berlaku penyelewengan dalam pemberian kontrak oleh Telekom Malaysia Berhad kepada syarikat Ericsson dari Sweden menunjukkan ada "asas" untuk menjalankan siasatan terperinci, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Ada asas, sebagai contoh, berhubung ketelusan atau prosedur yang perlu dipatuhi.

"Berdasarkan laporan awal yang dikemukakan, saya berpendapat mereka perlu menjalankan siasatan lebih lanjut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan mengenai "Over-The-Counter (OTC) Markets" di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai kemajuan siasatan selepas beliau menyatakan sebulan lalu bahawa ia sangat "penting".

Ketika ditanya jika ada bukti berlaku penyelewengan berdasarkan laporan awal yang dikemukakan itu, Anwar berkata ia masih awal baginya untuk mengulas sama ada terdapat sebarang penyelewengan dalam pemberian tender itu.

Katanya beliau menjangkakan laporan muktamad mengenai siasatan itu akan disiapkan tidak lama lagi.

Anwar berkata beliau telah diberikan laporan terkini mengenai siasatan itu dan laporan kemajuan terbaru dikemukakan kepadanya minggu lepas.

"Kita telah meminta mereka (para penyiasat) supaya mempercepatkan siasatan itu," katanya.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata pada 18 Jan lepas bahawa Telekom dan Perbendaharaan telah diarah supaya mempercepatkan penyiasatan.

Beliau telah berkata bahawa siasatan itu tidak perlu mengambil masa yang lama kerana kesemua rekod kontrak, yang dikatakan diberikan antara tahun 1992 dan 1993, masih dalam simpanan.

Mengenai siasatan terhadap dakwaan penyeludupan balak di Tawau, Sabah, baru-baru ini, beliau berkata laporan awal telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu menunggu sehingga laporan itu siap," katanya.

Anwar, yang mengarahkan penyiasatan itu dibuat, berkata beliau agak tidak sabar dan mahu perkara itu diselesaikan "lebih cepat lebih baik". --
BERNAMA

AZZ CTL AKD